

Rujukan Kami : KUPTM.DVCA.CAES.ETU.5 (01)  
Tarikh : 20 September 2022  
: 23 Safar 1444 H

Para Graduan  
Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)

Saudara/i,

**JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI POLY-TECH MARA (KUPTM) KE-6 TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seluruh warga KUPTM mengucapkan setinggi-tinggi **TAHNIAH** di atas kejayaan saudara/i menamatkan pengajian di Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM). Sempena meraikan kejayaan ini, KUPTM akan mengadakan Majlis Konvokesyen KUPTM Ke-6 pada **5 November 2022 (Sabtu)**, bertempat di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**.

3. Sehubungan itu, pihak KUPTM dengan berbesar hati menjemput dan mempersilakan saudara/i hadir ke majlis konvokesyen ini.

4. Saudara/i diwajibkan untuk membuat pengesahan kehadiran graduan di laman web rasmi konvokesyen <https://convo.kuptm.edu.my> mulai **19 September 2022 sehingga 28 Oktober 2022**.

5. Bagi memastikan kelancaran majlis konvokesyen ini, satu upacara raptai akan diadakan dan saudara/i adalah **diwajibkan** hadir. Upacara raptai tersebut akan dijalankan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 4 November 2022 (Jumaat)**  
**Tempat : Dewan Plenari, PICC**  
**Masa : 2.30 petang**

6. Pakaian saudara/i semasa upacara raptai hendaklah formal, kemas, sopan serta bersesuaian dengan majlis.

*“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”*



KUPTM.DVCA.CAES.ETU.5 (01)

Jawatankuasa Majlis Konvokesyen KUPTM mengucapkan ribuan terima kasih atas segala kerjasama dan perhatian saudara/i berhubung perkara ini.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. SYAMSUL FOZY BIN OSMAN**

Timbalan Naib Canselor Pembangunan Pelajar Dan Gaya Hidup Kampus  
Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)

Merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Konvokesyen KPTM/KUPTM 2022

**“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”**

